

Banjir besar di Kuala Lumpur



- Berlaku pada tengah hari 9 Oktober 1963
- Berpunca daripada tebing lombong yang pecah selepas beberapa hari menampung air hujan.
- Melumpuhkan tiga kawasan itu dan pengangkutan ke selatan negara.
- Banjir surut selepas semalaman.
- Melanda kawasan perumahan, kilang dan perniagaan.
- Kerugian dianggarkan bernilai RM1 juta.

Oleh Nasron Sira Rahim

TIDAK siapa di kalangan penduduk Cheras, Salak Selatan dan Sungai Besi di Kuala Lumpur yang menyangka bahawa rutin harian mereka pada 9 Oktober 1963 berakhir dengan satu peristiwa besar dalam sejarah hitam negara.

Justeru, pagi itu, mereka meneruskan rutin seperti hari-hari sebelumnya; keluar bekerja, kanak-kanak ke sekolah manakala yang kecil pula girang bermain sekeliling rumah. Suri rumah sibuk menguruskan keperluan kehidupan.

Tidak seperti beberapa hari sebelum itu, awan tidak lagi menitikkan air hujan bagi membolehkan warga kawasan itu kembali memulakan langkah meneruskan kehidupan.

Sekitar jam 11 pagi, seorang pekerja berdekatan kawasan itu mula bersiap untuk meninggalkan tempat kerjanya dan pulang menikmati hidangan makan tengah hari pada waktu rehat. Dia tidak keseorangan apabila ramai penduduk mempunyai rutin sama sepertinya.

Sejam kemudian, dia berada di rumahnya dan menikmati hidangan dengan penuh selera. Bagaimanapun, beberapa ketika kemudian, deria pendengarannya diganggu bunyi bising di luar rumah. Ketika memasang telinga bagi mendengar dengan lebih teliti, dia terdengar laungan beberapa penduduk.

"Air datang! Air datang!" mungkin seperti itulah suara yang didengarnya dan sebaik keluar dari rumah untuk menyaksikan apakah kekecohan sebenar, dia akhirnya terkejut apabila mendapati kawasan itu sudah dilimpahi air.

Tidak ada hujan, tetapi mengapa boleh berlaku banjir? Demikian teka-teki yang timbul di benak fikirannya ketika itu. Orang ramai mula memenuhi kawasan luar rumah bagi mencari perlindungan dan dalam keadaan kelam-kabut, dia segera menyertai mereka.

Air naik dengan cepat. Dalam tempoh 30 minit, semua kawasan itu ditenggelami air sedalam 1.5 meter. Kira-kira dua jam kemudian, ramai penduduk yang terpaksa berenang untuk menyelamatkan diri.

Suasana sekitar mula berubah, tidak lagi seperti rutin sebelum ini. Rumah kediaman musnah dilanda banjir, si ibu meraung akibat kehilangan anak ketika keadaan kelam kabut menyelamatkan harta benda dan berusaha menyelamatkan diri; kanak-kanak sekolah menangis apabila diberitahu mereka tidak boleh pulang ke rumah.

Landasan kereta api, lapangan terbang dan laluan ke selatan negara terjejas dan sektor ekonomi di



KEADAAN lombong yang pecah di Sungai Besi.

BH 04/11/2006

# Lombong bijih pecah

Sejarah hitam banjir besar landa Kuala Lumpur pada 1963 korbankan 12 nyawa



ORANG ramai terpaksa mengharungi banjir menggunakan tali bagi mengelak dihanyut arus deras.

kawasan itu lumpuh apabila premis perniagaan, kilang dan jentera dinaiki air. Antaranya adalah bangunan Utusan Melayu.

Kerugian awal ditaksirkan sekitar RM1 juta. Mangsa banjir ditempatkan di Balai Polis Cheras, sekolah berdekatan dan di Stadium Chin Woo. Pada hari kejadian, dilaporkan bahawa enam kanak-kanak terkorban, puluhan penduduk dewasa cedera dan lebih 1,000 keluarga hilang tempat tinggal.

Beberapa jam selepas itu, sebuah syarikat perlombongan berhampiran ketiga-tiga kawasan itu menjelaskan bahawa banjir berlaku apabila tebing lombong yang menampung air pecah dan runtuh akibat hujan lebat, beberapa hari lalu.

Pihak terbabit mendakwa sudah menjalankan pemeriksaan keadaan tebing lombong setiap hari dan tiada tanda ia akan runtuh.

Malamnya, penduduk di ketiga-tiga kawasan itu terpaksa melupakan mata dalam keadaan tidak selesa dan dengan wajah sugul, mereka

mengenang tragedi yang pastinya tidak disangka akan berlaku ke atas mereka sebaik bangun tidur pada sebelah pagi.

Selepas kejadian, banjir mula surut dan sudah ada penduduk yang pulang untuk melihat keadaan rumah dan membersihkan kesan banjir. Banyak ikan yang mati dan terapung.

Pihak polis, tentera, petugas kerajaan dan anggota sukarela mula membanjiri kawasan banjir sekitar 173 kilometer persegi, bagi menghulurkan bantuan. Jalan raya mula dibersihkan.

Perdana Menteri dan Timbalannya ketika itu, Tunku Abdul Rahman Putra dan Tun Abdul Razak yang mengetuai pihak kerajaan mula melawat mangsa banjir dengan menaiki land rover untuk menilai kesan kemusnahan dan merangka bantuan.

Rekod hari kedua menunjukkan lapan mangsa korban terdiri daripada kanak-kanak, bayi dan orang dewasa. Ada pihak mula tampil mempertikaikan punca yang mendorong banjir menjadi semakin

buruk adalah disebabkan keadaan parit yang cetek dan tersumbat sehingga menyukarkan air untuk mengalir.

Bagaimanapun, di kawasan Batu 3 1/2 Jalan Sungai Besi, ramai penduduk bersyukur kerana kehadiran sebuah lombong raksasa yang dibuka sebelum Perang Dunia Kedua, di kawasan itu menyebabkan kesan banjir dapat dikurangkan.

Lombong bijih timah 'rahmat' seluas 11.2 hektar dengan kedalaman kira-kira 36 meter itu menyebabkan air yang membanjiri kawasan itu mengalir masuk ke lombong berkenaan sekali gus mengurangkan kesan bencana di kawasan kediaman.

Turut tenggelam di dalam lombong itu ialah dua lori dan jentera untuk mencari bijih timah. Selepas dua hari banjir berlaku, air masih memenuhi lombong itu sedalam 21 meter.

Rekod hari ketiga menunjukkan, seramai 3,459 penduduk menjadi mangsa dan tragedi itu mengorbankan sembilan orang. Walaupun sudah tiga hari berlalu, ramai ibu bapa masih bersedih kerana kehilangan anak masing-masing.

Kerajaan juga mula membina 100 rumah murah iaitu 60 unit di Cheras dan 40 unit di Salak Selatan untuk diberikan percuma kepada mangsa yang kehilangan rumah masing-masing akibat bencana itu. Selain itu, bantuan datang mencurah-curah daripada orang ramai yang bersympati dan jumlahnya melebihi RM140,000 pada hari ketiga kejadian.

Rekod polis seperti dilaporkan Berita Harian pada 17 Oktober 1963 menunjukkan 12 mangsa terdiri daripada bayi, kanak-kanak dan dewasa terkorban; tiga penduduk masih hilang, 76 rumah hanyut dan 1,395 haiwan ternakan hilang.

Walaupun penduduk yang mengalami sendiri bencana itu masih mengingati betapa dahsyatnya kejadian banjir yang direkodkan antara paling teruk di negara ini, mereka tidak membiarkan ia terus menghantui hidup sebaliknya mereka bangun dan menjejak ke kawasan banjir bagi meneruskan kehidupan hingga ke hari ini.

FAKTA NOMBOR

Banjir di Kuala Lumpur pada 1963

12

Terkorban

3,459

Mangsa

76

Rumah hanyut

1,395

Haiwan ternakan hilang